

1. "Wahai Hang Jebat, _____ ingin beradu kekuatan dengan tuan hamba!" kata Hang Kasturi.

☐ A aku
☐ B saya
☐ C patik
☐ D hamba

2. "Ibu menyuruh kakak supaya menyampaikan pesan kepada _____ agar pandai-pandai menjaga diri," kata Jesnita kepada adiknya.

☐ A kalian
☐ B kamu
☐ C aku
☐ D dia

3. "_____ perlu menangani masalah yang dihadapi dengan tenang," nasihat guru itu kepada muridnya.

☐ A Kita
☐ B Kamu
☐ C Engkau
☐ D Mereka

4. Dain terlewat datang ke sekolah pada pagi itu kerana _____ kesiangan.

☐ A dia
☐ B dikau
☐ C beliau
☐ D mereka

5. "Jika benar bagai dikata, marilah beradu kekuatan dengan _____," kata Hang Jebat kepada Hang Kasturi.

☐ A kita
☐ B kami
☐ C saya
☐ D hamba

6. "_____ akan berangkat ke majlis pertabalan anakanda baginda sebagai Raja Muda," kata Bendahara Tun Ali kepada Syahbandar.

☐ A Dia
☐ B Kamu
☐ C Beliau
☐ D Baginda

7. _____ tidak dapat datang ke majlis itu kerana menghadiri mesyuarat kabinet di Putrajaya.

☐ A Beta
☐ B Anda
☐ C Beliau
☐ D Kalian

8. Sultan Mahmud dan permaisuri _____ berkenan untuk menerima menghadap duta _____ dari negara Timur Tengah itu.

☐ A dia
☐ B beliau
☐ C mereka
☐ D baginda

9. " _____lah yang akan mengiringi tuanku ke Bentan," kata Laksamana Tun Perak.

☐ A Beta
☐ B Saya
☐ C Patik
☐ D Hamba

10. Setelah dilantik sebagai Ketua Kampung Bayu, _____ melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik sekali.

☐ A dia
☐ B beliau
☐ C mereka
☐ D baginda

11. " _____ dikehendaki berkumpul di sini esok tepat pada pukul 8:00 pagi," kata Cikgu Rahmat kepada murid-muridnya.

☐ A Dia
☐ B Kalian
☐ C Engkau
☐ D Mereka

12. "Ibu, _____ ingin menyertai lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur bulan depan," kata adik-beradik kembar itu kepada Puan Dania.

☐ A kita
☐ B kami
☐ C saya
☐ D kalian

13. " _____kah yang terpilih mewakili sekolah dalam pertandingan pingpong?" tanya Ieda kepada Lisa.

☐ A Apa
☐ B Mana
☐ C Siapa
☐ D Siapa-siapa

14. Haziq dan isteri _____ bercadang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negara.

☐ A baginda
☐ B mereka
☐ C saya
☐ D -nya

15. "_____ baru sahaja pulang dari Surabaya semalam," kata Nadia kepada Haiza.

- ☐ A Dia
- ☐ B Kita
- ☐ C Saya
- ☐ D Kami

16. Pada hujung minggu lalu, ayah dan ibu menghadiri _____ kenduri arwah datuk di rumah Pak Ngah Salleh.

- ☐ A majlis
- ☐ B aktiviti
- ☐ C bengkel
- ☐ D seminar

17. Musa telah berusaha dengan sungguh-sungguh tetapi _____ masih gagal mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

- ☐ A dia
- ☐ B aku
- ☐ C kami
- ☐ D beliau

18. "Sudah enam tahun saya menyandang pangkat mejar dalam TUDM," kata _____.

- ☐ A Mejar murali
- ☐ B mejar Murali
- ☐ C mejar murali
- ☐ D Mejar Murali

19. "Saya minta maaf kerana tidak dapat menziarahi ibu kamu semasa _____ dirawat di hospital tempoh hari," kata Irma kepada Hasmie.

- ☐ A kita
- ☐ B beliau
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka

20. "Kalau _____ hendak selamat, ikut cakap _____," kata penculik itu kepada Badri.

- ☐ A anda ... kita
- ☐ B awak ... beta
- ☐ C kamu ... kami
- ☐ D engkau ... aku